# SETAHUN PENCAPAIAN



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

# 2020

**Pencapaian yang paling besar untuk kita di MAFI iaitu kita telah memastikan jaminan sekuriti makanan untuk rakyat sepanjang masa pelaksanaan PKP.**





KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

# RANTAIAN RIDAKSI


**Penaung :** YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
**Penasihat :** YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
**Pengurus Produksi :** ADREENA BINTI ABDUL MAJID
**Ketua Editor :** ABDUL TAIB BIN ABDILLAH
**Editor :** NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN
**Grafik :** SURAIYA HANI BINTI ZAMARI
**Jurufoto :** MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR & EMRIL FARIZ BIN REZALI
**Idea, Konsep & Terbitan :** UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI
**Semakan Pruf :** BAHAGIAN DASAR PERANCANGAN STRATEGIK, BAHAGIAN INDUSTRI TANAMAN, TERNAKAN DAN PERIKANAN & BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI

www.mafi.gov.my

@mafimalaysia

# SETAHUN PENCAPAIAN

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

# 2020

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN





# KANDUNGAN


7 SEBENDANG JASA MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

11 SELADANG TANI TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I

15 SELUAS REZEKI TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II

19 SEBUDI TANAH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

23 SERESMI PADI TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

27 PENCAPAIAN 1


















31 PENCAPAIAN 2





35 PENCAPAIAN 3







39 PENCAPAIAN 4





43 PENCAPAIAN 5

47 PENCAPAIAN 6

51 PENCAPAIAN 7

55 PENCAPAIAN 8

59 KERATAN AKHBAR PENCAPAIAN MAFI 2020

65 LENSA PENCAPAIAN 2020







**Kampung Kandis, Kodiang, Kubang Pasu, Kedah.**



*Sebendang Jasa*

# MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN




**MOU Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di antara MAFI dan Syarikat Peneraju, Dewan Serbaguna MAFI, Wisma Tani, Putrajaya.**

# MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

MAFI komited memartabatkan

Sektor Agromakanan

dan sekuriti makanan

negara.

R. Kiandee

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**





**Program Jelajah Agropreneur Muda Negeri Selangor.**



*Seladang Tani*

# TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I




**Program Menuai Padi di Skim Padi Tedon oleh YBTM I, Merlimau, Melaka.**

# TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I

MAFI komited mendepani pelbagai cabaran untuk menjamin bekalan makanan Negara demi kesejahteraan Rakyat.




YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH



Program Lawatan Kerja YBTM II ke Kampung Bilok Banggu, Kota Bharu.



*Selunas Rezeki*

# TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II



**Majlis Pelancaran Rancangan Realiti TV Juara Agrotek dan Pendaftaran Peserta Siaran TV1 RTM, Mini Auditorium MATIC, Kuala Lumpur.**

# TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II

Bertani
Satu
Ibadah

**YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI**






Program Jelajah Agropreneur Muda Negeri Selangor.



*Sebudi Tanah*

# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN




**Selamat Pagi Malaysia (RTM), Dato' Haslina Abdul Hamid sempena Jelajah Agropreneur Muda Zon Utara 2020 (UAM), Angkasapuri, Kuala Lumpur.**

# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Pertanian
Adalah
Kekayaan....



YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID





Sesi Libat Urus Bersama Pemain Industri Untuk Penganjuran MAHA di MAFI, Putrajaya.



*Seresmi Padi*

# TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (PEMBANGUNAN)



Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Badan-Badan Korporat disempurnakan oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Pahang.

# TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Pertanian: Tulang belakang ekonomi dan negara

DR. ANIS BIN MAHMUD @ ABDUL SAMAD





**MOU Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di antara MAFI dan Syarikat Peneraju, Dewan Serbaguna MAFI, Wisma Tani, Putrajaya.**



# PENCAPAIAN 1

## MEMASTIKAN JAMINAN SEKURITI MAKANAN UNTUK RAKYAT SEPANJANG MASA PELAKSANAAN PKP




**MOU Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di antara MAFI dan Syarikat Peneraju, Dewan Serbaguna MAFI, Wisma Tani, Putrajaya.**



**PENCAPAIAN**

MAFI dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan apa yang penting, sepanjang masa, kita telah memastikan bahawa bekalan makanan untuk rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi dan stabil. Sektor pertanian dan industri makanan telah diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu dan telah dibenarkan beroperasi sepanjang masa PKP dari peringkat awal sehingga sekarang.

**FAEDAH**

Bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercekapkan pengedaran makanan negara.

**PENDEKATAN**

- **Pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST)** (196 lokasi terpilih).
- **Pelaksanaan Pemasaran Dalam Talian** (*e-commerce*) dengan kerjasama strategik bersama ***Shopee, Lazada, Mygrocer, Ourshop/ Ourfarm Airasia, Dropee*** dan sebagainya.



Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara.



# PENCAPAIAN 2

## PENUBUHAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA



**Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara.**



**PENCAPAIAN**

Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) telah dirangka berdasarkan konsep sekuriti makanan terkini oleh *Food Agriculture Organisation Of The United Nations* (FAO). Merangkumi empat (4) komponen utama iaitu Ketersediaan (***Availability***), Akses (***Accessibility***), Penggunaan (***Utilization***) serta Kestabilan Dan Kemampanan (***Stability and Sustainability***).

**FAEDAH**

Komponen ini akan disokong oleh strategi utama, sokongan dan pemboleh ubah daya yang memberi tumpuan kepada faktor politik, sosial, ekonomi, alam sekitar dan teknologi merangkumi aspek guna tenaga, guna tanah, kelestarian dan kemampanan sumber, perubahan iklim, pelaburan, kajian dan penyelidikan serta struktur governans sekuriti makanan merentas agensi dan kementerian.

**PENDEKATAN**

Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh yab Perdana Menteri telah bermesyuarat buat kali pertamanya pada 8 September 2020 di bangunan Perdana Putra, Putrajaya.




**MOU Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di antara MAFI dan Syarikat Peneraju, Dewan Serbaguna MAFI, Wisma Tani, Putrajaya.**



# PENCAPAIAN 3

## PEMBANGUNAN SISTEM PROFIL TANAH SAWAH PADI DI SELURUH NEGARA DAN PENGURUSAN MAKLUMAT PADI




**Program Pengagihan Benih Padi Sah & Program Ziarah Peladang.**




**TUJUAN**

Inisiatif awal penyediaan sistem profil tanah sawah padi di seluruh negara dan sistem pengurusan maklumat padi (*SMART PADDY*).

**FAEDAH**

Pembangunan Program ***SMART PADDY*** akan menyatukan kesemua sistem maklumat berkaitan padi dan beras sedia ada. Ianya juga akan meliputi maklumat profil tanah yang akan dilaksanakan menerusi bantuan satelit.Ianya juga akan memastikan formulasi baharu lebih sesuai & praktikal dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti padi.

**PENDEKATAN**

Maklumat profil tanah bagi keseluruhan 350,000 hektar pasel padi akan memudahkan penyediaan formulasi baharu baja bersubsidi. Dalam masa yang sama, pemantauan keseluruhan rantaian nilai padi dan beras mampu dilaksanakan secara atas talian.




**Lawatan Kerja Sentuhan Kasih YBTM I ke Pahang.**




# PENCAPAIAN

# 4

## PERTANIAN BANDAR (KEBUNITI)



**Lawatan Ke Tapak Pertanian Bandar Milik Seaview Plantations di Selangor.**



**PENCAPAIAN**

Untuk memperkukuh dan pemerkasaan sektor pertanian serta industri makanan iaitu dengan peluasan Program Kebun Komuniti kepada kawasan komuniti bandar dan pinggir bandar, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 7.32 juta di bawah peruntukan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA).

**FAEDAH**

Bantu golongan B40 dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kesan penularan pandemik Covid-19, inisiatif ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban peserta khususnya mengurangkan perbelanjaan isi rumah di samping menjana pendapatan tambahan.

**PENDEKATAN**

Beri manfaat kepada 12,016 individu dan 612 komuniti.




**Program Lawatan Kerja RIG to REEF YBTM I ke Marang Terengganu.**




PENCAPAIAN

# 5

## KEMUDAHAN CARUMAN PERKESO– SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI KEPADA NELAYAN




**Program Lawatan Kerja YBTM I ke Pasar Nelayan LKIM Chendering, Terengganu.**



## PENCAPAIAN

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) diperkenalkan kepada nelayan bermula Ogos 2020 bagi menggantikan Skim Insurans Nelayan. Pelaksanaan Fasa Pertama ini menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melibatkan 37,000 penerima elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dengan kadar caruman tahun berjumlah RM157.20 setahun.

Bagi nelayan lain, caruman secara sukarela adalah digalakkan. Nelayan juga boleh menambah jumlah caruman secara sukarela sehingga RM592.80 setahun. Sehingga bulan Disember 2020, terdapat 18 orang nelayan telah mengemukakan tuntutan kepada PERKESO di bawah skim ini yang melibatkan jumlah pampasan sebanyak RM39,962.00.

## FAEDAH

Memberikan perlindungan terhadap pendapatan yang diinsuranskan akibat kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan iaitu berjumlah RM1,050 sebulan. Selain daripada itu, antara manfaat lain yang turut diterima termasuk faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara, faedah orang tanggungan, faedah hilang upaya kekal, elaun layanan sentiasa, faedah pengurusan mayat, kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional, program return to work dan faedah Pendidikan.

## PENDEKATAN

37 ribu nelayan nikmati perlindungan dengan caruman PERKESO.




**Program YAB Perdana Menteri dan YB Dr. Ronald Kiandee Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan di Sabah.**




# PENCAPAIAN

# 6

## ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DINAIKKAN DARIPADA RM250 KEPADA RM300 SEBULAN DAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DARAT DINAIKKAN DARIPADA RM200 KEPADA RM250




**Program YAB Perdana Menteri dan YB Dr. Ronald Kiandee Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan di Sabah.**




**PENCAPAIAN**

Sehingga bulan Disember 2020, seramai 35,894 orang nelayan laut yang memenuhi kriteria ditetapkan telah menerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut pada kadar RM300/ bulan. Implikasi kewangan yang terlibat adalah berjumlah RM129.22 juta.

Sementara itu, seramai 3,148 orang nelayan darat yang layak telah memerima ESHN Darat pada kadar RM250/ bulan. Ini menjadikan jumlah peruntukan yang terlibat adalah RM9.44 juta.

**FAEDAH**

Membantu golongan nelayan untuk meringankan bebanan menghadapi peningkatan kos sara hidup disamping bertindak sebagai insentif kepada mereka untuk terus kekal berdaya maju dalam sektor perikanan negara.

**PENDEKATAN**

Beri manfaat kepada 37 ribu nelayan laut dan 3,400 nelayan darat.




**Program Pengagihan Benih Padi Sah & Program Ziarah Peladang, di Selangor.**



# PENCAPAIAN 7

## PELANCARAN PENETAPAN HARGA SILING BENIH PADI SAH (BPS) RM35 PER BAG (20KG)




**Program Pengagihan Benih Padi Sah & Program Ziarah Peladang, di Selangor.**




**PENCAPAIAN**

MAFI telah menetapkan harga siling benih padi sah sebanyak RM35 bagi setiap 20kg beg benih padi sah kepada pesawah berkuatkuasa Januari 2021 tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada Kerajaan. Lesen borong dan peruncit benih padi sah juga telah diperkenalkan bagi mengawal manipulasi harga oleh pelbagai pihak.

**FAEDAH**

Penetapan harga siling bertujuan untuk mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak.

**PENDEKATAN**

Pengedaran benih padi sah dapat dikawal memandangkan bekalan benih padi sah tersebut akan diedarkan terus kepada pesawah melalui pemborong dan peruncit berlesen.



Lawatan YBTM II MAFI ke Aerodyne Campus, Cyberjaya Selangor..



# *PENCAPAIAN* 8

## PELAKSANAAN *SMART* SAWAH BERSKALA BESAR (*SMART* SBB)




**Lawatan Kerja YBM Ke IADA Barat Laut Selangor.**



**TUJUAN**

Inisiatif awal perancangan Program Penyatuan Tanah Sawah dalam skala yang besar. Ianya merupakan kerjasama pintar awam & swasta di antara kerajaan dan syarikat-syarikat peneraju melibatkan kawasan penanaman padi seluas 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama secara berperingkat di Semananjung Malaysia.

**FAEDAH**

Program *SMART* SBB akan mengurangkan tanggungan kewangan kerajaan dari segi input pertanian bersubsidi dalam tempoh jangka panjang, melibatkan pemain-pemain industri dalam mengurangkan kos penanaman & pengurusan padi oleh pesawah, menyatukan tanah sawah menerusi pertanian kontrak, meningkatkan SSL beras, meningkatkan produktiviti per hektar dan pendapatan pesawah.

**PENDEKATAN**

Pelaksanaan *SMART* SBB ini akan membantu dalam penyusunan semula pemain industri secara lebih sistematik terutamanya dalam meminimakan dan menghapus penglibatan orang ketiga. *SMART* SBB ini akan merubah landskap industri padi dan beras negara serta mencapai matlamat kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa.





# KERATAN AKHBAR PENCAPAIAN 2020





# LENSA PENCAPAIAN 2020























Lebihkan Makan
Buah-buahan
Tempatan
SIDANG MEDIA
AGRO BANK
AGRO BANK


BEHO SUPPLY SDN. BHD
spm
Nadi Seri Pagi

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

WISMA TANI, NO 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62624 PUTRAJAYA, MALAYSIA.
NO. TEL.: 03-8000 8000
NO. FAKS: 03-8888 6020

www.mafi.gov.my